

DATE : 12 FEBRUARY 2019
PUBLICATION : BERNAMA
SECTION : NEWS
HEADLINE : iHEAL SASAR 5,000 BERDAFTAR DENGAN
PLATFORM "OURCHECKUP"



Pastikan Benar
Bernama.com

🏠 AM+ EKONOMI+ POLITIK+ SUKAN+ RENCANA+ DUNIA+ WEBTV INFOGRAFIK ARKIB

TERKINI / LATEST [Bumiputera entrepreneurs' contribution to GDP still low: Redzuan \[1m ago \]](#)

iHEAL sasar 5,000 berdaftar dengan platform "OurCheckup"

Tarikh kemaskini: 12/02/2019



KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- iHEAL Heart Group Sdn Bhd menyasarkan dalam tempoh setahun, 5,000 pengguna akan berdaftar dengan platform dalam talian baharunya dikenali "OurCheckup" yang akan menyimpan data jantung pesakit, kata Pengerusi dan Pengarah Urusan kumpulan Dr David Khoo Sin Keat.

Beliau berkata platform berasaskan awan itu yang akan dilancarkan pada 7 April bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia, akan ditawarkan kepada pesakit dan doktor mereka yang akan membolehkan mereka dengan mudah mendapatkan atau berkongsi data.

"Pada ketika ini, kami sedang memuktamadkan harga bagi aplikasi itu. Kami mahu menjadikannya mampu dan boleh diakses kepada semua," katanya kepada pemberita selepas Timbalan Menteri Kesihatan Dr Lee Boon Chye melancarkan "OurCheckup" di sini, hari ini.